

22 JAN 2003

Mahathir-Persaudaraan/I EMBARGO (2200/22 Jan)

PM MINTA ORANG ISLAM ERATKAN TALI PERSAUDARAAN, WUJUDKAN KEAMANAN

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

KAHERAH, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu menyampaikan pesanan tulus ikhlas kepada semua umat Islam di dunia mengenai perlunya mereka mengeratkan tali persaudaraan sesama mereka dan kembali kepada ajaran sebenar Islam, atau menghadapi risiko terus ditindas dan agama mereka dihina.

Perdana Menteri berkata keamanan dan persaudaraan sesama Islam adalah ajaran asas agama Islam, dan jika hanya perintah Islam ini sahaja diamalkan, akan wujud perpaduan di kalangan orang Islam dan orang Islam akan menjadi kuat.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata orang Islam sekarang langsung tidak bersatu padu sehingga ke tahap demi memperjuangkan kepentingan negara masing-masing, mereka sanggup memerangi saudara sesama Islam dari negara-negara lain dan berpecah bagi menyertai kumpulan yang menentang, malahan menyertai musuh bukan Islam mereka.

Menyampaikan ucapan secara terus terang dengan memfokuskan kepada perpaduan umat Islam pada majlis yang dihadiri cendekiawan antarabangsa dan pelajar Universiti Al Azhar di sini, beliau berkata: "Tidak berupaya melindungi diri mereka daripada orang Islam lain dan daripada musuh, mereka membiarkan diri mereka dimanipulasi agar menentang golongan yang seagama dengan mereka.

"Mereka menjadi alat dalam permainan orang lain. Sebenarnya mereka telah hilang maruah diri. Sebenarnya mereka tidak mengikuti ajaran Islam."

Dr Mahathir tiba di Kaherah dari Lubnan pada petang Selasa bagi lawatan tiga hari ke Mesir. Lawatan beliau ke negara penting Arab ini dilakukan ketika diselubungi kebimbangan mengenai perang di Iraq dan ketegangan memuncak berhubung konflik Palestin-Israel.

Perdana Menteri berkata berpecah-belah, kekeliruan mengenai Islam, saling berperang bagi mendapatkan kuasa, kekurangan dalam pengetahuan dan kemahiran penting, menyalahgunakan kekayaan yang dianugerahkan Tuhan, orang Islam pada hari ini telah sampai ke tahap paling rendah dalam pembangunan mereka.

Tetapi semua itu, jelas beliau, tidak menghalang mereka daripada terus melakukan apa yang ditegah oleh Islam dan mereka tidak bersedia untuk menerima hakikat akan keadaan itu atau mengaku bahawa mereka telah menyeleweng daripada ajaran agama mereka.

Perdana Menteri berkata ekoran berasa kecewa dan marah, sesetengah orang Islam telah mengambil pendekatan keganasan, dan ramai yang percaya bahawa mereka telah berjaya dalam perkara itu.

"Apa yang berlaku ialah bahawa musuh-musuh Islam telah menemui justifikasi untuk memberikan lebih banyak tekanan terhadap orang Islam, menyerang dan membunuh mereka, melayan mereka dan agama mereka dengan penuh kebencian," katanya menjelaskan akibat daripada tindakan keganasan itu ke atas umat Islam.

Dr Mahathir menyatakan bahawa orang Islam akan berjuang dan mati bukannya untuk mencapai objektif sebenar seperti membebaskan diri mereka daripada kezaliman, tetapi berbuat demikian untuk bertindak balas, membalas dendam atau melepaskan kemarahan mereka.

Menyalahkan orang lain bagi nasib buruk orang Islam, beliau berkata, mungkin hanya sebahagian sahaja yang betul kerana adalah lebih baik bagi umat Islam untuk mengatasi kecacatan dan kelemahan mereka sendiri.

"Orang Islam sudah tentu tahu apa yang dilakukan mereka itu yang salah.

Sudah tentu keadaan berpecah-belah di kalangan mereka, penolakan mereka bagi persaudaraan sesama Islam adalah salah. Mereka juga tidak mempunyai keutamaan yang betul, menekankan agar mengelakkan dosa-dosa kecil manakala secara terbuka melakukan dosa-dosa besar," katanya.

Lagipun, Dr Mahathir berkata dengan wujudnya salah tafsir dan sengaja mengabaikan ajaran Islam, orang Islam pada hari ini mendapati diri mereka ketinggalan, kurang berpengetahuan, tidak mampu mempertahankan diri dan agama mereka dan terpaksa menggunakan pendekatan keganasan untuk membalas dendam.

Beliau berkata orang Islam kini jelas sudah hilang arah mereka dan sudah ketinggalan terlalu jauh untuk mencapai kegemilangan yang pernah menjadi milik Islam.

"Berapa lama lagi kita harus berkeadaan begini? Adakah apa yang kita lakukan hari ini akan memulihkan keagungan agama kita dan fitrah yang sepatutnya menjadi hak manusia? Adakah ia akan menyelamatkan kita daripada ditindas oleh pengkritik kita? Terus terang saya tidak fikir begitu.

"Ia bukannya kerana kita tidak berupaya membangunkan diri kita ke tahap yang orang lain akan terpaksa menghormati diri kita dan agama kita.

"Jawapannya mudah iaitu kerana kita enggan mengikuti ajaran Islam yang sebenar dan berusaha membaiki keadaan diri kita di bumi ini sepertimana kita membuat persediaan bagi kehidupan di akhirat," katanya.

Menyentuh mengenai keadaan berpecah-belah dalam Islam, Dr Mahathir berkata Nabi Muhammad SAW hanya membawa satu ajaran agama Islam tetapi kini terdapat banyak pegangan agama Islam seperti Sunni dan Shiah, masing-masing terbahagi kepada banyak kumpulan dengan mempunyai imam dan tarikat berlainan.

Semua keadaan berpecah-belah itu, kata Dr Mahathir, hanya berlaku selepas baginda (Nabi Muhammad SAW) wafat, akibat daripada tafsiran berbeza mengenai Islam oleh cendekiawan berlainan sejak berabad-abad lamanya.

Beliau berkata akibat daripada membaca ayat-ayat Quran secara sebahagian dan mengabaikan konteks dan bahagian yang menyebut mengenai perintah dalam bahagian utama ayat-ayat berkenaan, orang Islam tersasar akan maksudnya secara keseluruhan kerana fokusnya sudah terkeluar.

Bagi menguatkan hujahnya, Dr Mahathir berkata: "Apabila kita diminta menyediakan kuda-kuda perang bagi menyekat dan menewaskan musuh, bukannya menyekat dan menewaskan musuh yang kita beri tumpuan. Tetapi menjaga kuda-kuda itu."

Berikutan kekeliruan dan perbezaan pendapat ke atas pelbagai tafsiran dan ajaran Islam, beliau berkata sudah tiba masanya bagi orang Islam untuk benar-benar kembali ke asas agama itu seperti yang terkandung dalam Quran dan Hadis sahih, ajaran sebenar Nabi Muhammad SAW.

Menekankan bahawa yang paling asas ialah Islam mementingkan keamanan, Dr Mahathir berkata orang Islam akan saling mengucapkan salam dengan mendoakan kesejahteraan masing-masing setiap kali berjumpa tetapi beliau mempersoalkan sama ada ia diucapkan dengan ikhlas.

"Sekiranya kita mahukan keamanan, bukankah kita sepatutnya berusaha mewujudkan keamanan, sekurang-kurangnya buat permulaan di kalangan sesama orang Islam, kemudiannya dengan orang yang berlainan agama. Selain Islam mementingkan keamanan, sudah tentu mereka yang bersaudara tidak akan bertelagah sesama sendiri dan sebaliknya saling menyayangi, seperti dalam keluarga sendiri," katanya.

-- BERNAMA

MAM RHM